

CNS8368

U GB 24-02 00176 BC313

bah

Mahathir - Bukti (Ulangan dengan pembetulan)
MALAYSIA INGIN BUKTIKAN NEGARA ISLAM BOLEH MAJU

LANGKAWI, 24 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan rakyat supaya menjaga keamanan dan kemakmuran negara bagi membuktikan kepada dunia bahawa negara Islam boleh maju seperti negara-negara yang diperintah orang bukan Islam.

Sehingga kini pendapat umum menyatakan bahawa negara Islam tetap tidak maju, mundur, tidak sihat dan sentiasa diserang keganasan dan lain-lain, kata beliau.

"Tetapi di Malaysia, kita ingin buktikan bahawa negara Islam tidak semestinya begitu. Sebaliknya, negara Islam boleh mencapai kemajuan jauh lebih pesat daripada negara lain," katanya selepas majlis berbuka puasa bersama rakyat di Masjid Al-Hana, Kuah, di sini.

Dr Mahathir berkata: "Ini adalah hasrat kita kerana di samping melakukan ibadat biasa, kita juga mampu mempelajari ilmu dan mentadbirkan negara kita dengan sempurna, dan dengan itu agama kita lebih dihormati semua pihak."

"Inilah tujuan kita untuk membangunkan negara. Tujuan kita ialah memelihara maruah umat Islam di Malaysia," katanya. -- Lagi

▼24/02/21-43MST

CNS8310

R GB 24-02 00152 BC314

bah

Mahathir - Bukti 2 Langkawi

Perdana Menteri berkata, setakat ini Malaysia telah mencapai sedikit-sebanyak kemajuan tetapi masih banyak yang perlu dilakukan untuk kemajuan dan memelihara maruah agama Islam dan bangsa.

Beliau turut mengingatkan rakyat supaya bersyukur kerana dapat memunaikan ibadat puasa dalam keadaan aman serta mempunyai makanan yang cukup di samping dapat memunaikan ibadat lain dengan sempurna.

Beliau tidak mahu rakyat lupa untuk bersyukur sedangkan umat Islam di sesetengah negara lain tidak mempunyai makanan yang cukup dan sentiasa menghadapi serangan dan dibunuh.

"Kadang-kadang kita lupa untuk bersyukur dan menganggap bahawa masih ada yang tidak cukup dan hendak lebih lagi sehingga sanggup melakukan sesuatu yang kurang baik untuk memenuhi tuntutan kita," katanya.

Katanya: "Kadang-kadang cara yang kita gunakan untuk memenuhi tuntutan kita adalah kasat dan tidak elok kerana kita tidak menghargai keselamatan, kemakmuran dan ketenangan yang kita nikmati." -- Lagi

▼24/02/22-01MST

CNS8371

R GB 24-02 00171 RC315

bah

Mahathir - Bukti 3 (akhir) Langkawi

Beliau berkata, umat Islam di Malaysia bukan sahaja hidup dalam keadaan aman, malahan ramai yang mempunyai kemampuan untuk mengerjakan haji sehingga kerajaan Arab Saudi menolak sebilangan jemaah haji dari negara ini kerana jumlahnya terlalu ramai.

"Dalam keadaan tenang, kita tidak boleh lupa kepada ajaran Islam dan Tuhan tetapi tidak bermakna kita perlu membuat ibadat tertentu sahaja. Kita sepatutnya jangan menyebabkan masalah dan membuat kucar-kacir dalam masyarakat," katanya.

Mengenai Masjid Al-Hana yang baru diubahsuai dan dipindahkan dengan ukiran seni Islam hasil kerjatangan tukang mahir dari Uzbekistan, Dr Mahathir berkata, ia membuktikan bahawa umat Islam di Uzbekistan masih mengekalkan kesenian Islam walaupun sebelum ini diperintah oleh komunis selama 70 tahun.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid, yang juga anggota Parlimen kawasan Jerlun/Langkawi dan Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib.

Dr Mahathir berlepas pulang ke Kuala Lumpur malam ini. -- Bernama.

KHY FAZ

24/02/22-04MGT